

22/02/2003

## Menangani prasangka terhadap Malaysia

KECENDERUNGAN media asing untuk memfokus dan memperbesarkan peristiwa tertentu, termasuk di Malaysia, hingga menimbulkan tanggapan negatif masyarakat antarabangsa, bukan lagi menghairankan. Kekejaman ia dilakukan - sama ada dalam bentuk elektronik, bahan bercetak mahupun perkhidmatan agensi berita - membuat ramai yang sudah lali tetapi ia tidak sama sekali bermakna tindakan sedemikian dialu-alukan. Selama ini pun, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah antara pengkritik paling lantang terhadap media asing. Daripada mereka mengambil iktibar, ia sebaliknya menimbulkan semacam keseronokan pula bagi media yang dikuasai Barat ini untuk menjadikan Malaysia subjek dipersendakan.

Seperti negara lain, Malaysia juga tidak terhindar daripada insiden dan kontroversi. Malangnya laporan media asing secara berulang-ulang lazimnya bersifat berat sebelah. Ketika berlaku demonstrasi jalanan di Kuala Lumpur pada 1998, misalnya, mereka memberikan gambaran seolah-olah ia berlaku secara meluas di seluruh negara. Begitu juga dalam pertikaian harga air dengan Singapura, perspektif yang diberi ialah Malaysia kononnya menganiaya jirannya. Hakikat bahawa ia berpunca daripada harga tiga sen - atau kurang daripada satu sen Amerika - bagi setiap 1,000 gelen air mentah yang dibekalkan mengikut kadar harga pada 1927, langsung ditenggelamkan.

Dalam menangani keganasan, beberapa tangkapan yang dibuat diselewengkan sebagai kononnya Malaysia sarang pengganas tanpa mengira kepentingannya terhadap ketenteraman awam. Apabila Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) digunakan, media asing 'berpesta' dengan dakwaan hak asasi manusia dalam mendapatkan keadilan terang-terang dicabuli. Kesepakatan media asing dalam memesongkan perspektif sebenar terhadap Malaysia menerusi laporan negatif mereka, adalah jelas satu usaha terancang. Dalam mendedahkan hanya separuh kebenaran, kerap juga kesannya sama besar dengan pembohongan ketara hingga ramai orang luar yang terpengaruh dengannya.

Mujurlah dari segi kedatangan pelancong dan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI), kesannya tidak begitu dirasakan. Sebagaimana diakui kelmarin oleh Kaunselor Komersial di Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur, William M Zarit, bahawa media asing tidak berlaku adil kepada Malaysia, usaha perlu diperhebatkan untuk mengubah tanggapan negatif terhadap negara ini. Cuma dalam soal ini bantuan media asing tidak boleh diharapkan, sebaliknya saluran alternatif perlu dicari.